

# Cubaan seludup kuda laut bernilai RM180,000 gagal

HN 31/10/23 M/S 7

**Bukit Kayu Hitam:** Jabatan Perkhidmatan Kuarantine dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) merampas 90 kilogram (kg) kuda laut bernilai RM180,000 tanpa sebarang dokumen sah yang cuba dibawa ke negara jiran melalui laluan penumpang, di sini, Rabu lalu.

Operasi kira-kira jam 4 petang dilakukan dengan kerjasama Jabatan Perikanan Kedah dan Kastam Diraja Malaysia (KDRM).

Pengarah Maqis Kedah,

Hisham Abu Bakar berkata, pihaknya merampas sebanyak 90 kg kuda laut dianggarkan bernilai RM180,000 tanpa sebarang dokumen sah iaitu tanpa permit eksport daripada Maqis.

Menurutnya, kes disiasat mengikut Seksyen 11(2) Akta Perkhidmatan Kuarantine dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728) yang boleh dikenakan tindakan mengikut Seksyen 11(3) akta yang sama.



MAQIS Negeri Kedah merampas 90kg kuda laut bernilai RM180,000 cuba dibawa ke Thailand tanpa dokumen sah melalui laluan penumpang di Bukit Kayu Hitam.